

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BUKAN LISAN**  
**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA**  
**PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN MOHD SHAHAR BIN ABDULLAH  
[ PAYA BESAR ]**

**SOALAN**

**TUAN MOHD SHAHAR BIN ABDULLAH [ PAYA BESAR ] minta  
MENTERI INDUSTRI UTAMA menyatakan :-**

- (a) sejauh mana prestasi Kementerian dalam usaha mencapai 100 peratus persijilan MSPO dan adakah sasaran ini boleh dicapai sebelum tarikh akhir pensijilan MSPO iaitu pada 31 Disember 2019; dan**
- (b) apakah kesan terhadap eksport minyak sawit negara dan pendapatan pekebun kecil akibat kegagalan dalam mencapai peratusan tinggi dalam pensijilan MSPO.**

**JAWAPAN (a)**

Sehingga Mei 2019, statistik menunjukkan 104,354 pekebun kecil telah mendapat persijilan MSPO. Kementerian melalui agensi seperti Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) dan Majlis Pensijilan Minyak Sawit Malaysia (MPOCC) akan terus menggiatkan usaha agar pelaksanaan pensijilan MSPO bagi industri sawit negara dapat dicapai sepenuhnya seperti yang ditetapkan pada 1 Januari 2020.

**JAWAPAN (b)**

Usaha untuk meningkatkan pensijilan MSPO oleh pekebun kecil sawit negara masih diteruskan. Pensijilan MSPO membantu pekebun kecil menguruskan kebun sawit berdasarkan Amalan Pertanian Baik (GAP) dan mampan yang akan meningkatkan produktiviti dengan hasil yang lebih berkualiti, mesra alam dan mampan. Disamping itu, pensijilan MSPO ini juga membantu dalam penjagaan alam sekitar yang turut memberi manfaat kepada pekebun kecil dari segi keselamatan dan kesihatan dalam pengurusan kebun sawit.

Ini juga adalah selaras dengan kehendak pasaran dunia yang mementingkan penggunaan minyak sawit yang dipersijilkan mampan. Oleh itu, Malaysia juga perlu mengeksport minyak sawit daripada sumber yang dipersijilkan mampan bagi menjamin pegangan pasaran minyak sawit terutamanya di negara-negara pengimport utama tidak terjejas.

Namun, Kementerian melalui agensi MPOB dan MPOCC akan terus membantu pengusaha sawit terutamanya pekebun kecil bagi mendapatkan pensijilan MSPO. Ini termasuk menyediakan latihan dan khidmat nasihat teknikal mengenai Amalan Pertanian Baik (GAP) kepada pengusaha sawit. Program Jelajah MSPO ke seluruh negara juga telah diadakan sebagai usaha turun padang untuk memberi penerangan dan bantuan teknikal ke arah pensijilan MSPO. Kerajaan juga telah menyediakan dana bagi membantu pekebun kecil mendapatkan pensijilan MSPO yang merangkumi kos yuran pensijilan, pembelian peralatan perlindungan diri (PPE) dan pembinaan rak bahan kimia. Pengumuman geran MSPO untuk pengusaha sawit oleh Kementerian Kewangan baru-baru ini juga merangkumi bantuan kepada pekebun kecil tersusun bagi menggalakkan lebih ramai penanam sawit mendapat pensijilan MSPO. Sekian, terima kasih.